



SEMINAR KEBANGSAAN PENCEGAHAN JENAYAH SYARIAH 2018

Hari Isnin
16 Julai 2018 bersamaan
3 Zulkaedah 1439H



SEMINAR KEBANGSAAN PENCEGAHAN JENAYAH SYARIAH

KERTAS KERJA 1

TAJUK:

**“MENYANTUNI KESALAHAN BERKAITAN AQIDAH
DAN PEMIKIRAN BERDASARKAN
ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH”**

OLEH

**DATUK HAJI RAHIMIN BIN BANI
KETUA PEGAWAI PENGUAT KUASA AGAMA
JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA**



SEMINAR KEBANGSAAN PENCEGAHAN JENAYAH SYARIAH

Asas akidah ialah beriman kepada Allah Swt iaitu kepercayaan kepada keesaan Allah Swt dan kepercayaan diatas kebenaran risalah Nabi Muhammad Saw. Islam amat mengambil berat dan menyeru kepada mentauhidkan Allah Swt secara ilmu dan amal serta menjelaskan perkara-perkara yang membawa kepada syirik baik secara i'tiqad atau tingkah laku. Islamlah agama yang diiktiraf di sisi Allah Swt, iaitu agama yang menjamin umat Islam kepada kebahagiaan di dunia dan di akhirat .



Allah Swt telah menyempurnakan Agama untuk hamba-hambaNya dan menegaskan didalam al Quran

“Sesungguhnya Agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah ialah Islam” {Surah Ali Imran ayat 16}


Allah Swt juga telah menegaskan bahawa golongan yang mencari agama selain Islam adalah sebagai golongan yang rugi di dunia dan di akhirat.

“Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari Akhirat kelak dari orang yang rugi”

[Surah Ali Imran ayat 85]



Mutakhir ini kita dikejutkan dengan isu penyebaran fahaman Islam liberal. Fenomena ini menimbulkan keresahan banyak pihak, kerana pemahaman Islam liberal bertentangan dengan metod pemikiran Ahli Sunnah wal Jamaah. Mereka membawa pemikiran yang menyimpang jauh dari ajaran Islam sebenar terutama dalam soal hukum hakam yang disepakati oleh ulama' dan juga beberapa isu-isu akidah. Kumpulan ini dibayangi oleh beberapa pertubuhan peringkat antarabangsa dan serantau seperti Jaringan Islam Liberal, Muslim Moderate, Ulil Absar, Feminin dan lain-lain. Diperingkat antarabangsa mereka dinaungi oleh kumpulan Hak Asasi Manusia dan sebagainya.



Penguatkuasaan kesalahan jenayah syariah adalah berkaitan dengan konsep amar makruf nahi mungkar. Konsep ini adalah menjadi tanggungjawab bersama bagi memastikan keamanan dan kesejahteraan dalam masyarakat. Dengan kata lain ianya memerlukan budaya tegur menegur dan nasihat menasihati sekiranya berlaku perkara mungkar dalam masyarakat.

Islam adalah agama jamai'. Imej Islam tidak hanya dalam bentuk peribadi atau individu tetapi ianya merangkumi keluarga, masyarakat dan negara. Diri dan masyarakat perlu berada dalam satu ikatan yang saling bantu membantu. Menyantuni masyarakat adalah suatu tuntutan dan usaha pendekatan melalui Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Syariah ini juga adalah usaha menyantuni masyarakat.



Bagi memastikan masyarakat hidup dalam penghayatan Islam yang sebenar maka tindakan penguatkuasaan undang-undang secara profesional amat diperlukan dan ianya sebagai satu tuntutan sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah Swt “ *Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan* “. (Surah al Hajj ayat 41)



MUZAKARAH KHAS JAWATANKUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL AGAMA ISLAM MALAYSIA PADA 3 MEI 1996 :

Menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah dari segi Akidah, Syari'ah dan Akhlak.

Menyokong dan menerima cadangan pindaan perlembagaan Persekutuan dan Pelembagaan negeri-negeri supaya memperuntukkan dengan nyata bahawa agama bagi persekutuan dan negeri-negeri hendaklah agama Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah dari segi Akidah, Syari'ah dan Akhlak.

Memperakukan bahawa ajaran Islam yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah adalah bercanggah dengan hukum syarak dan undang-undang Islam dan dengan demikian penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah adalah dilarang. Menetapkan bahawa semua umat Islam warganegara ini adalah tertakluk kepada undang-undang Islam dan Hukum syarak yang berasaskan pegangan kepada ajaran Ahli Sunnah Wal-Jama'ah sahaja.

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

“Perkara 3 (1) – Islam ialah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan”



SEMINAR PENCEGAHAN JENAYAH SYARIAH

ENAKMEN KAWALAN DAN SEKATAN PENGEMBANGAN AGAMA BUKAN ISLAM

Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan Negeri Atau Persekutuan Bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Boleh Digubal Bagi Mengawal Atau Menyekat Pengembangan Apa-Apa DOKTRIN Atau KEPERCAYAAN AGAMA Di Kalangan Orang Yang Menganut Agama Islam



KAWALAN AQIDAH DAN PEMIKIRAN DALAM AKTA / ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA

Bagi memastikan Akidah dan pemikiran umat Islam terus terpelihara di negara ini maka beberapa peruntukan telah diadakan di dalam Akta / Enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri. Kesalahan yang diletakan dalam kategori ini adalah kesalahan yang boleh menyebabkan kerosakan dan mengugat keimanan dan akidah umat Islam. Ianya berkaitan dengan penyebaran ajaran dan amalan yang bertentangan dengan Islam.

Ajaran sesat atau ajaran salah boleh dertiakan sebagai sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa ajaran atau amalan yang dibawanya itu adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam, sedangkan pada hakikatnya ajaran atau amalan yang dibawa itu bertentangan dengan ajaraan Islam yang berdasarkan kepada al-Quran dan al Sunnah serta bercanggah dengan akidah dan syariat Islam.

Terdapat 4 Kesalahan Di Bawah Kategori Kesalahan Akidah dan Pemikiran dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah

Pemujaan salah

Doktrin palsu

Dakwaan palsu

Mengembangkan Doktrin Agama
(selain Islam)

SEKSYEN 69 ENAKMEN KESALAHAN SYARIAH MELAKA 1991

PEMUJAAN.

Sesiapa yang memuja pantai, pokok kayu, padang, kubur, hutan belukar, bukit atau mana-mana orang atau apa-apa benda dengan apa-apa juu cara yang bercanggah dengan Hukum Syarak adalah merupakan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi lapan belas bulan atau kedua-duanya sekali dan Mahkamah boleh memerintahkan supaya alat-alat yang digunakan atau bangunan atau binaan yang digunakan bagi pemujaan itu dimusnahkan.



AKTA KESALAHAN JENAYAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

PEMUJAAN SALAH

“Mana-mana orang yang memuja alam semulajadi atau melakukan apa-apa perbuatan yang menunjukkan pemujaan atau rasa hormat kepada mana-mana orang, binatang, tempat atau benda dengan apa-apa cara yang menyalahi Hukum Syarak adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya”

{Seksyen 3, AKJSWP 1997}



DOKTRIN PALSU.

- (1) Mana-mana orang yang mengajar atau menjelaskan apa-apa doktrin atau melaksanakan apa-apa upacara atau perbuatan yang berhubungan dengan agama Islam di mana-mana tempat, sama ada tempat persendirian atau tempat awam, adalah melakukan suatu kesalahan jika doktrin atau upacara atau perbuatan itu bertentangan dengan Hukum Syara' atau mana-mana *fatwa* yang sedang berkuatkuasa di Negeri ini dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.
- (2) Mahkamah boleh memerintahkan supaya mana-mana dokumen atau benda yang digunakan dalam pelakuan kesalahan atau yang ada kaitan dengan kesalahan yang disebut dalam subseksyen (1) dilucutkan dan dimusnahkan, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

SEKSYEN 60. AJARAN SALAH

Sesiapa yang mengajar atau menjelaskan kepada seseorang atau di tempat awam mengajar atau menjalankan sesuatu istiadat atau sesuatu perbuatan yang bertentangan dengan Hukum Syarak adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali dan segala dokumen bertulis dan alat-alat berkaitan ajaran salah itu hendaklah dirampas dan dimusnahkan sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.

ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH (MELAKA) 1991

DI WILAYAH PERSEKUTUAN MEMPERUNTUKAN SEKSYEN 4 BAGI MEMBENTERAS PERBUATAN MENYEBAKAN DOKTRIN SALAH

- (1) Mana-mana orang yang mengajar atau menjelaskan apa-apa doktrin atau melaksanakan apa-apa upacara atau perbuatan yang berhubungan dengan agama Islam di mana-mana tempat, sama ada tempat persendirian atau tempat awam, adalah melakukan suatu kesalahan jika doktrin atau upacara atau perbuatan itu berlawanan dengan Hukum Syarak atau mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan, dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.
- (2) Mahkamah boleh memerintahkan supaya mana-mana dokumen atau benda yang digunakan dalam pelakuan atau yang ada kaitan dengan kesalahan yang disebut dalam subseksyen (1) dilucuthakkan dan dimusnahkan, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

DAKWAAN PALSU

Salah satu aspek yang sering ditemui dalam ajaraan salah ialah dakwaan pemimpin kumpulan ajaran sesat bahawa mereka bertaraf nabi, mendakwa sebagai imam Mahdi, pakar ilmu ghaib dan sebagainya. Kesemua itu adalah untuk mempengaruhi pengikut agar percaya dengan segala ajaran yang dibawa. Dalam keadaan lain pula para pengikut yang taat sendiri menganggap ketua ajaran sebagai nabi dan sebagainya.

Bagi menyantuni golongan ini Akta kesalahan jenayah syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukan dengan jelas bahawa mendakwa diri sebagai Rasul, Nabi, wali dan sebagainya adalah satu kesalahan;

“Mana-mana orang yang-

(a) mengisyiharkan dirinya atau mana-mana orang lain sebagai Rasul atau Nabi, Imam Mahadi atau wali; atau

(b) menyatakan atau mendakwa bahawa dia atau mana-mana orang lain mengetahui peristiwa atau perkara di luar pemahaman atau pengetahuan manusia,

sedangkan perisyiharan, pernyataan atau dakwaan itu adalah palsu dan berlawanan dengan ajaran Islam, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”

Bagi menangani isu pengembangan doktrin agama selain Islam seksyen 5 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) memperuntukan “**mana-mana orang yang mengembangkan doktrin atau kepercayaan agama selain daripada doktrin atau kepercayaan agama Islam di kalangan orang yang beragama Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.**”

Peruntukan ini bermaksud untuk mengekang aktiviti pengembangan agama selain Islam oleh orang Islam terhadap masyarakat Islam. Peruntukan ini juga terdapat di Johor, Trengganu dan Serawak. Di Pulau Pinang seksyen 5 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1996


memperuntukkan seperti berikut :

“Mana-mana orang, sama ada dia beragama Islam atau tidak, yang mengembangkan doktrin atau kepercayaan agama selain daripada doktrin atau kepercayaan agama Islam di kalangan orang yang beragama Islam adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dibicarakan di mahkamah sivil dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”


SEKSYEN 48. ENAKMEN KESALAHAN SYARIAH MELAKA 1991.

PENERBITAN AGAMA YANG BERLAWANAN DENGAN HUKUM SYARAK.

Sesiapa mencetak, menerbit atau menyebarkan untuk tujuan jualan atau sebaliknya atau dengan cara lain atau sesiapa yang ada dalam miliknya mana-mana penerbitan agama memberi pengajaran atau bertujuan memberi pengajaran mengenai apa-apa perkara berlawanan dengan Hukum Syarak adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya sekali dan semua penerbitan termasuk pita rakaman dan apa-apa alat yang berkaitan hendaklah dirampas dan dimusnahkan sebagaimana diarahkan oleh Mahkamah.




SEMINAR PENCEGAHAN JENAYAH SYARIAH



SEKSYEN 47 ENAKMEN KESALAHAN SYARIAH MELAKA 1991

FATWA TIDAK SAH


Seseorang yang memberi dan menghebahkan fatwa untuk diikuti oleh orang awam mengenai apa-apa soalan ajaran Islam atau Hukum Syarak, berlawanan dengan mana-mana fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti dan yang telah diwartakan adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjara tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya sekali dan fatwa itu jika bertulis hendaklah dirampas dan dimusnahkan sebagaimana yang diarah oleh Mahkamah.



SEKSYEN 61 ENAKMEN KESALAHAN SYARIAH MELAKA 1991

MEMPERMAINAKAN AYAT AL-QURAN ATAU HADITH.

Sesiapa yang mempermainkan, mencela, mengejek-ejek dengan perkataan atau perbuatan atau menghina al-Quran atau Hadith Nabi atau perkataan yang berkaitan dengan Agama Islam adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.



SEKSYEN 62. ENAKMEN KESALAHAN SYARIAH MELAKA 1991

MEMPERSENDAKAN AGAMA ISLAM.

Sesiapa yang mengolok-olok, mengajuk atau mengejek-ejek akan Agama Islam, dengan perkataan atau perbuatan atau amalan atau upacara yang berkaitan dengan Agama Islam adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.



SEMINAR PENCEGAHAN JENAYAH SYARIAH

SEKSYEN 63. ENAKMEN KESALAHAN SYARIAH MELAKA 1991



MENGHINA AGAMA ISLAM.

(1) Sesiapa dengan secara lisan atau tulisan atau kelakuan yang nyata atau sebarang cara yang membawa kepada mencerca atau disifatkan sebagai menghina atau cuba mencerca atau menghina Agama Islam, perjalanan mana-mana mazhab yang muktabar, pegawai Agama, Guru Agama dan Imam yang dilantik dengan sahnya menurut undang-undang, mana-mana fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis atau Mufti di bawah peruntukan Enakmen ini, adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

SEKSYEN 63. ENAKMEN KESALAHAN SYARIAH MELAKA 1991

MENGHINA AGAMA ISLAM.

(2) Seseorang Islam yang mendakwa dirinya sebagai seorang bukan Islam adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan mengikut subseksyen (1) seksyen ini kerana mempersendakan Agama Islam dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman yang diperuntukkan dalamnya



SEMINAR PENCEGAHAN JENAYAH SYARIAH

MENGHINA PIHAK BERKUASA AGAMA.

Seksyen 12. ENAKMEN JENAYAH SYARIAH (SELANGOR) 1995

Mana-mana orang yang bertindak dengan cara yang menghina kuasa yang sah, atau mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah atau arahan:-

(a) Duli Yang Maha Mulia Sultan atas sifat Baginda sebagai Ketua agama Islam;

(b) Majlis;

(c) Mufti, yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa,


adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.



MENGHINA ATAU MENGINGKARI PIHAK BERKUASA AGAMA.

Mana-mana orang yang bertindak dengan cara yang menghina pihak berkuasa agama atau mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah atau arahan Yang Di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam, Majlis atau Mufti, yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

{Seksyen 9. Enakmen kesalahan jenayah syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996





ISLAM LIBERAL

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke 74 pada 25 – 27 Julai 2006 telah memutuskan gerakan pemikiran liberal mengandungi fahaman-fahaman yang didapati menyeleweng dari aspek akidah dan syariah.

Oleh itu, berdasarkan kepada ciri-ciri penyelewengan tersebut muzakarah memutuskan bahawa Gerakan Aliran Pemikiran Liberal adalah ajaran sesat dan menyeleweng daripada Syariat Islam.



IMPLIKASI FAHAMAN ISLAM LIBERAL & PLURALISME AGAMA TERHADAP UMAT ISLAM

- 1. Menyelewengkan akidah dan ibadat umat Islam**
- 2. Berlaku perpecahan dalam masyarakat**
- 3. Berlaku peristiwa keganasan dalam masyarakat**
- 4. Terjadi keretakan rumahtangga serta menggugat keharmonian masyarakat Islam**
- 5. Memberi gambaran buruk terhadap Islam di kalangan bukan Islam**
- 6. Taksub kepada guru yang melarang pengikut belajar agama dari kumpulan lain, menuntut pengorbanan harta, maruah dan nyawa malah bersedia menerima arahan untuk bertindak.**

- 7. Pemusatan dana atau aset kepada guru melalui Sistem Ma'asy atau sistem upah / sara hidup yang menyebabkan ahli terpaksa bergantung sepenuhnya kepada kumpulan.**
- 8. Struktur kepimpinan berpusat (autokratik) sehingga tiada ruang kepimpinan dibuka kepada pihak lain.**
- 9. Eksklusif dan tersendiri / terasing daripada arus perdana sehingga dilihat seolah-olah seperti wujud kerajaan dalam kerajaan.**
- 10. *Bai'ah / sumpah* setia terhadap ketua / guru secara sulit.**
- 11. *Taqiah* untuk menyembunyikan motif ajaran / perjuangan sebenar.**

BAYAR RM400 HAPUS DOSA

Ajaran sesat diasaskan lelaki bergelar Datuk guna lilin untuk sukat dosa pengikut

PIHAK berkuasa kini mengawasi penyebaran satu ajaran sesat yang bergiat aktif di Lembah Klang sejak tahun 2007 dengan modus operandi yang ganjil iaitu membakar lilin untuk mengukur tahap dosa seseorang. Jika lilin yang dibakar itu meninggalkan kesan cairan yang banyak, maka dosa pengikut ajaran itu juga dikira besar.

AKIBATNYA, pengikut terbabit perlu mengikuti satu upacara zikir untuk menghapuskans dosa tersebut dengan dikenakan bayaran antara RM300 hingga RM400. Amalan songsang yang dinamakan Ajaran Ibu Puteri itu diperlukan diasaskan oleh seorang lelaki bergelar Datuk.

BERITA DI MUKA 2

AJARAN Ibu Puteri dikatakan sesat kerana pemimpinnya cuba menutupi kesannya kesan cairan apabila boleh menjadi pertumbuhan yang berlebihan, banyak atau sedikit. – Gambar hiasan

- 12. Masyarakat tidak puas hati sehingga boleh menimbulkan tindakan ganas.**
- 13. Propaganda yang menghakis kewibawaan pihak berkuasa atau pemerintah.**
- 14. Melanggar fatwa dan mencabar undang-undang.**
- 15. Mewujudkan rangkaian hubungan dengan kumpulan di luar negara.**

- 16. Menerapkan nilai / ideologi melalui sistem pendidikan eksklusif**
- 17. Mendapat peruntukan kewangan daripada kumpulan ekstrimis / radikal luar negara.**
- 18. Menghasut dan mempengaruhi rakyat ke arah mewujudkan sistem pemerintahan ala kumpulan Persepsi negara buruk di peringkat antarabangsa ekoran tindakan sesetengah kumpulan melapor kepada agen-agen luar atau Pertubuhan Hak Asasi Manusia / Bangsa-Bangsa Bersatu (kes Ariffin bin Mohammad / Ayah Pin).**



CABARAN MENANGANI ISU AJARAN SESAT / KESALAHAN BERKAITAN AKIDAH DAN PEMIKIRAN.

- Terdapat percanggahan dalam memahami sesetengah peruntukan di antara Mahkamah Sivil dengan Mahkamah Syariah.
- Terdapat percanggahan sesetengah amalan politik atau pelaksanaan dasar / program sebilangan agensi kerajaan dengan ajaran agama.
- Tahap pengetahuan, pengalaman dan keupayaan yang tidak memadai di kalangan petugas (pegawai penyelidik, penguatkuasa dan pendakwa).
- Peguam-peguam yang mewakili tertuduh jauh lebih berpengalaman, menyebabkan kes-kes jenayah akidah dinafikan secara teknikal di mahkamah.

- Kesukaran pihak Jabatan Agama Islam Negeri menampilkkan bukti kerana keengganan saksi utama yang disebabkan oleh faktor keselamatan.
- Perkembangan teknologi maklumat yang semakin canggih telah membuka ruang yang luas kepada penulis-penulis blog mempengaruhi aqidah umat Islam yang lemah.
- Tahap ilmu pengetahuan dalam bidang akidah dan syariah yang tidak memadai menyebabkan sebahagian umat Islam mudah terpengaruh.
- Modus operandi kumpulan semakin mencabar kerana diketuai / dianggotai oleh golongan cendiakawan / professional.
- Perasaan simpati atau pembabitan kakitangan jabatan dalam kumpulan-kumpulan tertentu termasuk campur tangan pihak lain menyebabkan hasil siasatan tidak telus dan tindakan undang-undang sukar dijalankan.



- Memelihara kepentingan hubungan dengan negara-negara berkenaan yang menjadi pengkalan kumpulan-kumpulan tertentu.
- Iklim politik semasa dalam negara menyebabkan sesetengah pihak berkuasa negeri berada dalam keadaan serba salah dan menyukarkan mereka bertindak secara telus.
- Hukuman tidak setimpal berbanding jenayah berat (akidah) yang dilakukan menyebabkan pesalah tidak terdorong menginsafi perbuatan mereka.




PENUTUP

Akidah adalah tonggak kepada kekuatan ummah dalam menghadapi pelbagai cabaran yang menimpa seluruh umat manusia pada ketika ini. Kelumpuhan akidah ummah membuka ruang kepada musuh-musuh melancarkan serangan demi serangan semata-mata bagi melemahkan kekuatan roh Islam dan akidah umat.

Bagi umat Islam, kembali kepada akidah Islam sebenar adalah jalan terbaik dan diredhai oleh Allah Swt, tanpa mencedok beberapa cara dan ideologi yang diimport dari Barat. Kesan kesalahan dalam mengambil kaedah terbaik ini mengakibatkan munculnya penularan fahaman Islam liberal dan ajaran-ajaran yang meragukan. Maka, tidak hairan jikalau kita melihat pada hari ini keruntuhan moral / akhlak dan gejala sosial semakin subur dalam kalangan masyarakat Islam disebabkan akidah yang kian pudar.


Mencegah Jenayah Syariah Tanggungjawab Bersama



SEKIAN, TERIMA KASIH

rahimin@melaka.gov.my

019 -667 1564 / 06-2881534



SEMINAR PENCEGAHAN JENAYAH SYARIAH